

22 MAY 2003

I

PM GESA MASYARAKAT PERUBATAN BERI PERHATIAN PADA PENYAKIT BARU

PUTRAJAYA, 23 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menasihatkan masyarakat perubatan tempatan agar belajar bagaimana untuk mengendalikan penyakit baru bagi mengatasi sebarang kesan negatif yang mungkin dibawa penyakit itu.

Perdana Menteri berkata bagi penyakit-penyakit yang telah diketahui, para doktor sudah mempunyai pelbagai ubat untuk memeranginya tetapi keadaannya tidak begitu bagi penyakit-penyakit baru.

Dengan menjadikan wabak SARS sebagai contoh, beliau berkata para doktor dan jururawat telah dilaporkan mati selepas merawat pesakit SARS kerana mereka tidak tahu jenis penyakit yang mereka kendalikan.

"Kita tidak mahu para doktor dan jururawat terdedah (kepada bahaya penyakit-penyakit baru) terutamanya mereka yang menjalankan kerja-kerja makmal," katanya pada jamuan malam sempena mesyuarat agung tahunan ke-43 Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) di sini.

Dr Mahathir berkata kemunculan penyakit-penyakit baru akan memberikan masalah baru kepada masyarakat perubatan seperti yang berlaku ketika AIDS, JE dan Ebola muncul buat pertama kalinya.

Beliau berkata cabaran untuk membendung penularan penyakit berkenaan pada zaman sekarang adalah lebih sukar atas hakikat manusia kini dapat bergerak dan melawat ke mana-mana sahaja dengan lebih cepat.

Turut hadir ialah isteri beliau Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan presiden MMA Datuk Dr N. Athimulan.

-- BERNAMA

MAM RHM